

BAB 4

PERSEPSI NEGARA-NEGARA ASEAN TERHADAP ANCAMAN CHINA

4.1 Pengenalan.

Pemodenan ketenteraan China yang berlaku selepas Perang Dingin telah dilihat sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara-negara di Asia Tenggara. Ancaman ini berdasarkan kepada perubahan dasar pertahanan nasional yang bersifat aktif serta peningkatan peruntukan belanjawan pertahanan bagi perolehan aset baru bertujuan meningkatkan keupayaan dan penguasaan China di Laut China Selatan. Perkembangan sedemikian telah menimbulkan persepsi buruk dan kecurigaan negara-negara ASEAN terhadap ancaman China khususnya dalam isu maritim rantau ini.

Sehubungan itu bab ini akan membincangkan terlebih dahulu kepentingan faktor China dalam hal-ehwal keselamatan Asia Tenggara. Perbincangan ini penting untuk melihat apakah faktor-faktor yang mempengaruhi timbulnya persepsi ancaman ini dan apakah perubahan yang diramalkan akan berlaku. Oleh itu bab ini akan menyentuh secara umum persepsi ancaman yang dicetuskan oleh negara-negara ASEAN dalam era Perang Dingin, terutamanya yang berkaitan dengan ancaman ideologi komunis, serta perubahan persepsi ancaman pada masa kini yang lebih banyak dikaitkan dengan isu maritim di Laut China Selatan dan pemodenan Tentara Laut China.

Bab ini seterusnya akan membincangkan secara khusus persepsi ancaman yang dirasakan oleh negara-negara serantau terhadap kekuatan ketenteraan China serta implikasinya kepada negara Vietnam, Filipina, Malaysia dan Indonesia. Tumpuan khusus kepada empat buah negara ini adalah kerana negara-negara tersebut mempunyai pertelingkahan kepentingan yang jelas dengan China di Laut China Selatan. Akhir sekali bab ini akan membincangkan bagaimana isu pemodenan serta peningkatan keupayaan

Tentera Laut China mempengaruhi persepsi ancaman negara-negara serantau terhadap China.

4.2 China dan Keselamatan Asia Tenggara.

Peranan China berhubung dengan isu keselamatan Asia Tenggara adalah penting dan tidak boleh dinafikan. Ini adalah disebabkan interaksi politik, ekonomi dan budaya di antara China dan negara-negara rantau ini sejak zaman silam telah memberi kesan dalam kehidupan sosial masyarakat di rantau ini. Jalinan hubungan ini juga secara langsung mempengaruhi persepsi ancaman dan keselamatan negara-negara rantau ini. Namun demikian ancaman terhadap keselamatan Asia Tenggara tidak seharusnya dikaitkan dengan tindakan China semata-mata. Tindakan, tekanan dan saingan kuasa-kuasa besar terhadap kepentingan China di Laut China Selatan juga telah memberi kesan terhadap keselamatan rantau ini. Sehubungan itu, kebangkitan China sebagai kuasa ketenteraan dan kaitannya dengan isu keselamatan Asia Tenggara merupakan persoalan utama dan faktor penting untuk menilai persepsi ancaman negara serantau terhadap ancaman China.

Walau bagaimanapun, revolusi ideologi komunis juga merupakan isu utama yang dikaitkan ancaman keselamatan Asia Tenggara sejak era Perang Dingin lagi. Dalam konteks ini, China telah menjadi ancaman kerana menyokong gerakan revolusi komunisme di beberapa buah negara di rantau ini. Kesan ancaman China terhadap keselamatan negara-negara di rantau ini mencapai kemuncaknya berikutkan peristiwa hitam September 1965 di Indonesia.¹⁰¹ Kebimbangan terhadap ancaman revolusi komunis yang diterajui oleh China telah membawa kepada penubuhan ASEAN¹⁰² pada tahun 1967 dan penglibatan kuasa Barat melalui SEATO khusus untuk menekan pengaruh revolusi komunisme di rantau ini.¹⁰³ Sehubungan itu usaha

¹⁰¹ Robert O. Tilman, The Enemy Beyond. External Threat Perception in The ASEAN Region (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1984), hlm. 31.

¹⁰² ASEAN mula ditubuhkan dengan lima buah negara dalam Asia Tenggara iaitu, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand dan Singapore. Ketika ini ASEAN telah disertai oleh kesemua sepuluh negara rantau Asia Tenggara.

¹⁰³ Philip Taylor, Non State Actors In International Politik (London: Westview Press, 1984), hlm. 135.

pembangunan negara-negara bukan komunis di rantau ini lebih tertumpu untuk mengekalkan kestabilan politik dan keselamatan dalam negeri terutamanya untuk memerangi insurgensi komunis yang dikaitkan dengan sokongan China.

Namun demikian momentum tekanan ancaman China di Asia Tenggara mulai kendur pada pertengahan 70an berikutan berlakunya détente Sino-Amerika dan kerenggangan hubungan Sino-Soviet. Namun begitu, suasana keselamatan rantau ketika itu terus terancam akibat peningkatan kehadiran kuasa Soviet dan sikap agresif Vietnam terhadap Kemboja pada tahun 1979.

Kehadiran kuasa ketenteraan Soviet di rantau ini dilihat bukan sahaja mengancam negara ASEAN secara langsung tetapi turut mengancam kepentingan China di Asia Tenggara. Dalam hubungan ini, China melihat kesungguhan Soviet membangunkan Vietnam dengan bantuan ketenteraan dan ekonomi sebagai satu usaha memperkuuh kedudukan strategiknya di Asia Tenggara dan menghadkan perluasan pengaruh China.¹⁰⁴ Ini menjadikan persaingan antara China dan Soviet untuk memperkuuh pengaruh masing-masing di Asia Tenggara lebih sengit terutamanya selepas pengunduran Amerika dari Indochina pada tahun 1975.¹⁰⁵ Persaingan ini secara langsung memberi kesan terhadap senario keselamatan di rantau Asia Tenggara ketika itu.

Persaingan ini bertambah serius apabila dasar luar China pada akhir dekad 70an dan dekad 80an memperlihatkan usaha untuk berbaik-baik dengan negara-negara ASEAN dan menyeru mereka supaya bersamanya menghalang peluasan pengaruh Soviet dan sikap agresif Vietnam.¹⁰⁶ Berikutan itu China telah memulihkan hubungan dengan beberapa negara ASEAN dengan memberi jaminan akan menghentikan sokongannya terhadap gerakan insurgensi komunis di negara-negara terlibat. Di samping itu kesungguhan berbaik-baik dengan negara-negara ASEAN telah ditunjukkan oleh China dengan memerangi Vietnam pada 1979. Dasar luar China untuk memulihkan

¹⁰⁴ Chen Jie, "Major Concerns in China's Asean Policy", dalam Chandran Jeshurun (ed), China, India, Japan and the Security of Southeast Asia (Singapore: ISEAS, 1993), hlm. 144-146.

¹⁰⁵ Sheldon W. Simon, Asean States and Regional Security (California: Hoover Institution Press, 1982), hlm. 58.

hubungan baik dengan ASEAN ketika itu telah merubah persepsi ancaman negara rantau ini terhadapnya, di samping membantu mengurangkan kebimbangan ASEAN terhadap ancaman Vietnam dan Soviet Union.¹⁰⁷

Selain mengambil langkah-langkah aktif dengan memperkuatkan kerjasama politik dan ekonomi dengan ASEAN, China turut menggalakkan perpaduan di dalam ASEAN dan menyokong usaha kerjasama pertahanan mereka dengan Amerika. China melihat kerjasama pertahanan sedemikian akan memberi kelebihan kepada mereka untuk mengimbangi kekuatan Soviet di Asia Tenggara. Sesungguhnya gabungan strategik Sino-Amerika serta ASEAN telah menjadi faktor penentu kepada kestabilan politik dan keselamatan Asia Tenggara era Perang Dingin.¹⁰⁸

Walau bagaimanapun pada masa ini isu-isu keselamatan yang melibatkan persaingan kuasa besar dan ideologi tidak lagi signifikan kepada China maupun ASEAN. Suasana keselamatan rantau yang aman ketika ini belum pernah dialami oleh China sejak 1949,¹⁰⁹ telah memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan tumpuan kepada konflik pertelingkahan wilayah di Laut China Selatan.

Sungguhpun pertelingkahan wilayah di Laut China Selatan telah wujud sejak era Perang Dingin, namun pendekatan China dalam isu ini adalah berbeza. China misalnya telah mengambil pendekatan sederhana dan diplomatik terhadap Malaysia dan Filipina kerana memerlukan sokongan dua negara ASEAN ini untuk menentang Soviet. Tetapi hal ini berbeza dengan pendekatan China terhadap Vietnam, di mana tindakan yang lebih agresif dikenakan terhadap sekutu Soviet ketika itu.¹¹⁰ Perbezaan tindakan yang

¹⁰⁶ Chen Jie, Major Concern in China's Asean Policy, hlm. 144.

¹⁰⁷ Sheldon W. Simon, Asean States and Regional Security, hlm. 59. Thailand secara lansung menerima China sebagai pelindung, tindakan China menghantar tentera disempadan utara Vietnam telah memaksa Vietnam memberi tumpuan ketenteraan disebelah utara ini secara langsung mengurangkan tekanan sepanjang sempadan Thai-Kemboja.

¹⁰⁸ Tim Huxley, Insecurity in the ASEAN Region, White Hall Paper 23, RUSI, 1993, hlm.28.

¹⁰⁹ Chen Jie, Major Concerns in China's Asean Policy, hlm.146.

¹¹⁰ Ibid, hlm. 154.

diambil oleh China untuk menangani isu keselamatan di Laut China Selatan memberi gambaran bahawa China lebih berhati-hati dan memastikan setiap tindakan yang diambilnya tidak akan menjelaskan kepentingannya yang lain.

Namun, hubungan baik China-ASEAN sedikit terjejas akibat konflik berkaitan dengan tuntutan bertindih ke atas Kepulauan Spratly yang didakwa oleh China adalah miliknya. Oleh itu China terpaksa memberikan tumpuannya terhadap konflik pertelingkahan wilayah di Laut China Selatan dan ini adalah selaras dengan dasar pemodenan ekonomi yang membawa kepada penilaian semula China ke atas kepentingan strategik dan sumber maritim di kawasan tersebut. Oleh yang demikian tindakan Vietnam, Malaysia dan Filipina menduduki beberapa buah terumbu di Kepulauan Spratly dilihat oleh China sebagai mencerobohi kedaulatan wilayahnya dan mengeksplorasi sumber asli di wilayah tersebut secara haram. Dalam konteks yang sama, pemodenan dan peningkatan keupayaan tentera laut beberapa negara ASEAN dilihat oleh China sebagai usaha untuk memperkuuh tuntutan dan kedudukan mereka di Spratly.

Di samping itu China juga mencurigai dasar luar negara ASEAN yang menggekalkan hubungan keselamatan dengan kuasa besar. China bimbang kemungkinan negara ASEAN akan melibatkan kuasa besar Barat untuk menyokong tuntutan mereka ke atas Kepulauan Spratly. Sehubungan itu, China juga bimbang jika ASEAN akan mengambil langkah bersama untuk menekannya supaya menerima keputusan secara "*fait accompli*" dalam penyelesaian isu Spratly.¹¹¹ Walau apapun penyelesaiannya, China tidak akan melepaskan tuntutannya ke atas Kepulauan Spratly dan mendakwa tuntutannya berasas kerana berdasarkan kepada faktor sejarah. Ini menjadikan pendekatan yang diambil oleh China berkaitan isu-isu di Laut China Selatan lebih bermotifkan sentimen nasionalisme.¹¹² Ini bermakna sebarang pendudukan oleh kuasa luar dianggap sebagai pencerobohan dan China akan

¹¹¹ Ibid, hlm. 158.

¹¹² Mark J. Valencia, China and the South China Sea Dispute: Conflicting Claims and Potential Solution in the South China Sea (Oxford : Oxford University Press, 1995), hlm. 15.

mempertahankan kedaulatannya ke atas Kepulauan Spratly dalam apa cara pun.¹¹³

Apa yang telah dibincangkan di atas menunjukkan bahawa faktor China dalam mempengaruhi isu-isu keselamatan Asia Tenggara sejak era Perang Dingin hingga kini masih relevan dan tidak boleh dinafikan. Ketika ini faktor China berkenaan dengan keselamatan Asia Tenggara tertumpu kepada isu tuntutan bertindih di Kepulauan Spratly, di mana beberapa penganalisis melihatnya sebagai "*flash point*" yang boleh mengugat kestabilan keselamatan Asia Tenggara. Hal yang sedemikian juga mempengaruhi persepsi negara-negara ASEAN terhadap ancaman China masa kini.

4.3 Persepsi Negara-negara Asia Tenggara Terhadap Ancaman China.

Secara keseluruhan faktor China dalam keselamatan Asia Tenggara juga dipengaruhi oleh persepsi negara-negara Asia Tenggara terhadap ancaman luar. Berdasarkan pendapat Tilman dan Stenseth, persepsi ancaman luar sebuah negara bergantung kepada gabungan dimensi atau pembolehubah yang melibatkan penilaian dasar luar, keupayaan, suasana geopolitik, hubungan sejarah serta faktor domestik seperti persepsi pemimpin, peranan birokrasi dan angkatan tentera.¹¹⁴ Sehubungan itu, oleh kerana latar belakang dimensi atau pembolehubah ini berbeza di kalangan negara Asia Tenggara maka persepsi mereka terhadap ancaman China juga didapati berbeza.

Jika diteliti, hubungan China-ASEAN telah melalui tiga peringkat perubahan sejajar dengan suasana keselamatan di rantau ini. Sepanjang dekad 1960an hingga pertengahan 1970an persepsi negara-negara ASEAN terhadap ancaman China adalah tinggi dan sekata. Kebimbangan dan kecurigaan terhadap China ketika itu berdasarkan sokongannya kepada

¹¹³ Leni Stenseth, "The Imagined China Threat in The South China Sea". 24 Jan. 2002. <<http://www.sum.uio.no/southchinasea/publication/pdf/>>

¹¹⁴ Robert O. Tilman, The Enemy Beyond External Threat Perception in the ASEAN Region, hlm. 2-5.

insurgensi komunis serta hubungan Beijing dengan etnik minoriti China yang tinggal di negara-negara ASEAN..

Dalam dekad 1980an persepsi negara-negara ASEAN terhadap ancaman China menurun oleh kerana peningkatan hubungan ekonomi dan dasar luar China yang menghentikan sokongannya kepada revolusi ideologi komunis. Manakala bagi ASEAN pula peranan aktif China di rantau Asia Tenggara ketika itu diperlukan untuk mengimbangi tingkah laku Vietnam yang agresif. Secara keseluruhan persepsi negara-negara ASEAN terhadap China ketika itu dilihat lebih positif.

Dekad 1990an telah menyaksikan persepsi negara-negara ASEAN terhadap ancaman China tidak begitu konsisten. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Dalam kontek pembangunan ekonomi, hubungan China-ASEAN dilihat lebih positif. ASEAN yakin China akan muncul sebagai sebuah kuasa ekonomi di rantau ini. Oleh itu meningkatkan hubungan dua hala, bidang ekonomi merupakan pendekatan terbaik ASEAN untuk berhadapan dengan kuasa China pada masa hadapan.¹¹⁵ China juga dilihat bersikap positif untuk berkerjasama dengan ASEAN apabila Zhu Rongji telah mencadangkan zon perdagangan bebas China-ASEAN diwujudkan.¹¹⁶ Berdasarkan kepada hubungan ekonomi yang rapat ini China dilihat tidak menjadi ancaman kepada rantau ini.

Walau bagaimanapun di sebalik persepsi positif ini, terdapat pula persepsi negatif yang melihat China sebagai satu ancaman. Persepsi negatif ini berdasarkan kepada kebangkitan China sebagai sebuah kuasa ekonomi di Asia seiring dengan kekuatan ketenteraannya yang mungkin digunakan untuk melindungi kepentingannya di rantau ini. Sebagai sebuah kuasa besar di rantau ini China tidak teragak-agak untuk memaksa negara-negara Asia

¹¹⁵ Jose T. Almote, "Ensuring Security the ASEAN Ways", dalam Survival Vol.39, No. 2 1997-1998, hlm 80-92. 6 Feb 2002,< <http://www.rand.org/publication/MR/MR1170.ch4.pdf>.>

¹¹⁶ Joseph Y.S. Cheng, " Sino-ASEAN Relations in the Early 21st Century", dalam Contemporary Southeast Asia, Vol. 23, No. 3, Dec. 2001, hlm 434.

Tenggara tunduk kepada kehendaknya.¹¹⁷ Kebimbangan sedemikian memberi persepsi bahawa China berpotensi menjadi ancaman di rantau ini.

Sungguhpun secara konsensus ASEAN mengambil dasar berbaik-baik dengan China, namun tahap persepsi ancaman di antara satu negara dengan negara lain adalah berbeza. Vietnam, Indonesia dan Filipina mempunyai tahap persepsi ancaman yang tinggi terhadap China manakala Malaysia telah meletakkan tahap persepsi ancaman yang sederhana.¹¹⁸ Tahap-tahap persepsi negara terlibat terhadap ancaman China ini boleh diketahui dengan melihat sejauh manakah bentuk hubungan mereka dengan China secara berasingan. Oleh itu perbincangan seterusnya akan memberi tumpuan kepada negara-negara Asia Tenggara, terutamanya Vietnam, Filipina, Malaysia dan Indonesia serta bentuk hubungan mereka dengan China, khususnya berkenaan dengan isu-isu di Laut China Selatan.

4.3.1 Persepsi Vietnam Terhadap Ancaman China

Persepsi Vietnam terhadap ancaman China telah dipengaruhi oleh dimensi sejarah lampau kedua-dua buah negara. Berdasarkan kepada sejarah, Vietnam dan China telah berbalah secara ketenteraan sebanyak tiga kali sejak 1974. Semua perbalahan ini lebih memihak kepada China, di mana pada tahun 1974 tentera Vietnam telah diusir dari Kepulauan Paracel. Seterusnya hubungan kedua buah negara menjadi tegang pada 1978 kerana tindakan Vietnam mencerobohi Kemboja. Ini telah membawa kepada perang Sino-Vietnam pada 1979 di mana China berjaya menguasai beberapa wilayah utara Vietnam. Manakala pada tahun 1988 pula, konflik di Kepulauan Spratly telah membawa tentera laut kedua-dua buah negara bertempur di Laut China Selatan di mana beberapa buah kapal perang Vietnam telah ditenggelamkan.¹¹⁹

¹¹⁷ Ian James Storey, "Living with the Colossus: How Southeast Asian Countries cope with China", dalam Parameters, Winter 1999-2000, hlm. 111-125. 6 Feb. 2002.<
<http://www.carlisle.army.mil/usawc/parameter/99winter/storey.html>.>

¹¹⁸ Ibid, hlm. 115.

¹¹⁹ Herrmann A. Wilfried, "Conflict Potential in South East Asia", dalam Australia Defence Force Journal No.118 May/June 1996, hlm. 35.

Konflik ketenteraan ini telah mempengaruhi persepsi Vietnam bahawa China berpotensi menjadi ancaman kepada keselamatannya.

Pengunduran Soviet dari Asia Tenggara telah membawa kepada pemulihian hubungan China dan Vietnam pada 1991. Sungguhpun demikian terdapat beberapa isu yang masih menjadi duri dalam hubungan kedua buah negara ini terutama isu Kepulauan Paracel dan Spratly.¹²⁰ Ketika ini Vietnam menduduki dan menguasai 25 buah pulau dan terumbu di kepulauan ini di mana China mendakwa bahawa pulau-pulau tersebut adalah miliknya.¹²¹ Hubungan kedua-dua negara tegang dan menuntut hak mereka ke atas pulau-pulau tersebut diiktiraf. Walaupun begitu, China dan Vietnam percaya peperangan bukanlah penyelesaian kepada konflik wilayah di antara kedua-dua negara. Di sebalik ketegangan yang wujud kedua-dua negara memerlukan keamanan dan kerjasama dua-hala untuk meneruskan pembangunan dan pemodenan ekonomi yang diberi penekanan oleh kedua-dua negara sejak 1991 lagi. Oleh yang demikian kedua-dua buah negara akan memastikan tidak berlaku sebarang konflik ketenteraan yang dapat menjadikan suasana ini.¹²²

Sungguhpun China dan Vietnam mempunyai persamaan dari segi sistem politik dan ideologi, ini tidak bermakna tiada kecurigaan antara kedua-dua buah negara. Faktor kekurangan sumber pada masa hadapan berkemungkinan membawa berlakunya perebutan dan perlumbaan eksplorasi sumber maritim di Laut China Selatan dan ini boleh menyebabkan ketegangan antara kedua-dua negara. Berasaskan keadaan di atas, China dianggap berpotensi menjadi ancaman kepada Vietnam.

Berdasarkan kepada persepsi ancaman sedemikian, Vietnam telah menyertai ASEAN dengan harapan dapat meningkatkan perimbangan diplomatik (*diplomatic leverage*) terhadap China dalam pertikaian di Laut China

¹²⁰ Joseph Y.S. Cheng, Sino-ASEAN Relations in the Early 21st Century, hlm. 440. Pendirian Vietnam bahawa ia tidak akan berkompromi dalam penyelesaian isu Kepulauan Spratly.

¹²¹ K.S. Balakrishnan, "ASEAN Code of Conduct: Assessing Regional Cooperation in the Next Millennium", dalam Asian Defence and Diplomacy Vol.6, No.10, Oct. 1999, hlm. 49.

¹²² Ang Cheng Guan, "Vietnam and China Relations Since the end of the Cold War", dalam Asian Survey, Vol 38, No. 12, 1998, hlm. 1112.

Selatan.¹²³ Bagi beberapa negara ASEAN pula, penyertaan Vietnam telah merubah persepsi mereka terhadap ancaman Vietnam dan ia diharap dapat mempengaruhi tingkah-laku China di Laut China Selatan.¹²⁴ Secara keseluruhan tahap persepsi Vietnam terhadap ancaman China masa kini masih tinggi terutama dalam isu Kepulauan Spratly.

4.3.2 Persepsi Filipina Terhadap Ancaman China.

Persepsi Filipina terhadap ancaman China adalah tinggi dalam beberapa dekad awal Perang Dingin. Namun demikian persepsi ancaman ini menurun pada pertengahan 1970an berikutan pemuliharan hubungan Sino-Amerika. Namun begitu persepsi ancaman ini meningkat semula pada 1995 berikutan tindakan China menduduki Terumbu Mischief yang dituntut oleh Filipina. Tindakan China di Kepulauan Spratly atau dikenali sebagai Kalayaans oleh Filipina bukan sahaja boleh mengancam potensi perolehan sumber asli tetapi merupakan potensi ancaman keselamatan sumber makanan (*food security*) bagi Filipina pada masa hadapan.¹²⁵ Sehubungan itu dalam jangka masa panjang Filipina melihat China menjadi ancaman terhadap keselamatannya.

Oleh kerana keupayaan tentera lautnya tidak dapat menandingi China, Filipina telah memilih pendekatan diplomasi bagi menangani isu ini. Sehubungan itu pada 1996, Filipina telah mencadangkan Kod Tatacara (*code of conduct*) diadakan di kawasan pertikaian untuk mengekalkan status quo. Namun demikian kehadiran berterusan Tentera Laut China di Terumbu Mischief pada 1997 diikuti dengan peningkatan struktur baru di Mischief pada 1998 mempamerkan ketegasan China untuk menduduki wilayah ini.¹²⁶ Oleh itu sikap "ambil dulu bincang kemudian" yang dipamirkan oleh China ini telah meningkatkan lagi potensi ancaman China terhadap kepentingan Filipina.

¹²³ Mike, Yeong, "Vietnam, Cambodia and Southeast Asia Security", dalam Contemporary Security Policy Vol. 15, No. 2, 1994, hlm. 86-88.

¹²⁴ Ganganath Jha, "New Political and Cultural Issue in ASEAN", IIAS Newsletter Online. 6 Feb. 2002.<http://www.iias.nl/iiasn/24/general/24g4.html.>.

¹²⁵ Kenyataan Setiausaha Pertahanan Filipina Orlando Mercado, Manila, November 2000. 6 Feb. 2002.<http://www.rand.org/publication.html. >

¹²⁶ Angkatan Tentera Malaysia, Laporan Perisikan Strategik Laut China Selatan I/99, Kuala Lumpur: Markas Tentera Laut, 1999.

Ada penganalisis politik antarabangsa berpendapat pengunduran Amerika dari Filipina pada 1995 menjadi faktor kepada keberanian China menduduki Terumbu Mischief.¹²⁷ Berikutan kejadian yang berlaku di Terumbu Mischief, Filipina terpaksa menilai semula hubungan keselamatannya dengan Amerika. Sehubungan itu pada 1999 kerajaan Filipina telah meluluskan perjanjian *Visiting Forces Agreement* (VFA) untuk mendapatkan bantuan ketenteraan Amerika apabila perlu. Sungguhpun Amerika telah menegaskan dasar "tidak campur tangan" dalam isu Spratly, namun begitu melalui perjanjian VFA Filipina boleh mendapatkan bantuan Amerika untuk memodenkan Angkatan Tenteranya, di samping menggunakan pengaruh Amerika untuk mengawal tingkah laku China di Spratly.¹²⁸ Oleh yang demikian VFA pada pandangan Manila telah mengwujudkan kembali cegah halang yang melegakan Filipina dari ancaman China. Tidak seperti beberapa negara ASEAN yang lain, Filipina tidak mempunyai hubungan ekonomi yang rapat dengan China. Sehubungan itu faktor ini tidak menghalang Filipina untuk menyuarakan secara lantang bantahan terhadap tindakan China di Laut China Selatan.¹²⁹

4.3.3 Persepsi Malaysia Terhadap Ancaman China

Persepsi Malaysia terhadap ancaman China adalah tinggi pada dekad 50an dan 60an berikutan sokongan China terhadap perjuangan Parti Komunis Malaya (PKM). Namun demikian persepsi Malaysia terhadap ancaman China berubah apabila wujudnya hubungan diplomatik pada 1974. Melalui hubungan diplomatik ini Malaysia mengharapkan China menghentikan sokongannya kepada PKM bagi memastikan hubungan baik di antara kedua-dua negara. Dasar meneruskan hubungan baik dengan China telah menjadi agenda utama Malaysia terutama dalam kepimpinan masa kini.¹³⁰

¹²⁷ Pegawai Kanan Tentera Filipina menyatakan bahawa China tidak mungkin menduduki Mischief sekiranya Amerika masih berada di Teluk Subic. 6 Feb. 2002. <<http://www.rand.org/publication.html>>

¹²⁸ Ian Storey, "Manila Looks to USA for help over Spratlys", dalam *Jane's Intelligence Review*, Vol 11, No. 8, August 1999, hlm. 46.

¹²⁹ "ASEAN Perceptions of a Rising China", *RAND Report*. 6 Feb. 2002. <<http://www.rand.org/publications.html>>

¹³⁰ "Malaysia Charts China Course", dalam *Far Eastern Economic Review*, 23 Feb 1995, hlm. 32. Berdasarkan kata-kata Perdana Menteri, Mahathir Mohamed, "It is high time for us to stop seeing China

Sehubungan itu pandangan Malaysia terhadap China adalah berbeza dengan beberapa negara dalam rantau Asia Tenggara di mana Malaysia tidak melihat China sebagai satu ancaman pada rantau ini.¹³¹ Bagi Malaysia kebangkitan China masa kini bukan untuk mengancam negara-negara jirannya tetapi untuk memberi tumpuan kepada pembangunan ekonominya. Sehubungan itu kedua buah negara telah mengeratkan hubungan ekonomi. Ekspor Malaysia ke China telah meningkat kepada RM 11.5 bilion pada tahun 2000 sementara pelaburan luar negara China terbesar di Malaysia adalah Projek *Paper and Pulp* di Sabah yang bernilai RM 2.8 bilion.¹³² Di samping mengeksplorasi peluang ekonomi yang wujud, Malaysia juga mempunyai pandangan yang sama dengan China dalam beberapa isu antarabangsa.¹³³ Faktor-faktor ini telah mengeratkan lagi hubungan Sino - Malaysia .

Sepertimana China, Malaysia juga mempunyai beberapa buah terumbu yang dituntut di Kepulauan Spratly. Tindakan Malaysia memasang modul di Terumbu Peninjau dan Siput pada 1999 telah mendapat bantahan dari semua negara penuntut kecuali Brunei. Bantahan diplomatik yang dikemukakan oleh negara-negara ini merupakan usaha untuk memperkuuh tuntutan mereka melalui proses perundangan di masa hadapan.

Dasar China terhadap Malaysia dalam isu di Spratly tidak begitu menekan. Ini berdasarkan kepada bantahan China terhadap tindakan Malaysia di Terumbu Peninjau dan Siput dibuat dalam nada yang sederhana dan kenyataan rasminya dilakukan selepas Filipina dan Vietnam berbuat demikian. Hubungan dua hala dalam ekonomi dan diplomatik dan sokongan Malaysia

through the lenses of threat and to fully view China as the enormous opportunity that it is...In my view, to perceive China as a threat and to fashion our security order around this premise would not only be wrong policy, but it would also be a bad and dangerous one".

¹³¹ Wortzel Larry, "China Pursues Traditional Great Power Status", dalam Orbis, Vol 38, No 2, 1994, hlm. 165, Segal, Gerald, "China Changes Shape: Regionalism and Foreign Policy", dalam Adelphi Paper, No. 287, Mac 1994, hlm. 30 dan Roy Denny, "Hegemon on the Horizon?: China's Threat to East Asian Security", dalam International Security, Vol. 19, No.1, Summer 1994, hlm. 155.

¹³² Abdullah Ahmad, "Gergasi China Bangun dari Tidur", dalam rencana Mingguan Malaysia 1 Apr. 2001.

¹³³ Michael Vatikotis, "Imperial Intrigue", dalam Far Eastern Economic Review, 11 Sep., 1997, hlm. 15. Semasa lawatan Perdana Menteri China Li Peng ke Malaysia pada September 1997, Li dan Mahathir bersetuju satu kuasa lain diwujudkan bagi mengimbangi Amerika.

terhadap dasar luar China di peringkat antarabangsa dipercayai merupakan faktor utama mengapa China bertindak demikian.¹³⁴

Sungguhpun dasar China berhubung isu di Laut China Selatan tidak mengancam Malaysia dalam masa terdekat ini,¹³⁵ namun niat jangka panjang China di Laut China Selatan masih samar dan mempunyai risiko.¹³⁶ Ini adalah kerana kehadiran kapal-kapal Tentera Laut China jelas menunjukkan kemampuannya untuk melaksanakan pemantauan di Kepulauan Spratly dan secara langsung memperkuuh tuntutan hak kedaulatan mereka.¹³⁷ China dengan itu berpotensi untuk merampas dan menguasai semula terumbu-terumbu yang telah diduduki oleh Malaysia.¹³⁸ Berhubung dengan isu Spratly, potensi China untuk menjadi ancaman bagi Malaysia tidak boleh diketepikan.

4.3.4 Persepsi Indonesia Terhadap Ancaman China

Sebagai sebuah negara yang besar baik dari saiz geografi dan jumlah penduduknya Indonesia mempunyai peranan utama dalam geopolitik Asia Tenggara. Sehubungan itu kepentingan faktor China dalam soal keselamatan Indonesia telah wujud sejak dari era Perang Dingin hingga kini. Dalam era Perang Dingin Indonesia melihat China sebagai ancaman kerana kaitannya dengan Parti Komunis Indonesia (PKI) ketika pemberontakan tahun 1965. Berikut itu kecurigaan terhadap China masih kukuh walaupun Indonesia telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan China pada 1990. Kecurigaan Indonesia ini banyak dipengaruhi oleh kebimbangan terhadap kemungkinan

¹³⁴ Laporan Perisikan Strategik Laut China Selatan 1 / 99.

¹³⁵ Berdasarkan perbincangan pada 6 Feb. 2002 dengan En Iskandar b. Sazlan, Penyelidik Kanan MIMA, dalam tempoh 10 tahun mendatang China tidak menjadi ancaman kepada Malaysia berdasarkan, keterbukaan pemimpin muda, hubungan dua hala yang baik dari segi diplomatik dan ekonomi. Pendapat ini di sokong oleh Tan Sri Abu Bakar b. Abdul Jamal Panglima Tentera Laut yang mempunyai pandangan yang sama. Temuduga pada 15 Feb 2002, di Markas Tentera Laut.

¹³⁶ "The Modernisation of the PLA Navy and its Impact on Southeast Asia", Kertas Seminar Pegawai Peperangan TLDM, Kuala Lumpur, 6-7 Nov. 2000.

¹³⁷ Pada 23 Mei 99 sebuah kapal selam milik China telah dikesan di Terumbu Peninjau, pada pertengahan tahun 2000 sebuah destroyer, sebuah frigate dan dua buah kapal logistik China telah dikesan berhampiran dengan Gugusan Semarang Peninjau, Markas Tentera Laut, Laporan Bulanan Penglihatan Kapal Asing, Mei 1999/Jun. 2000.

¹³⁸ "Malaysia maintain a small garrison in Layang-layang islet", dalam Jane's International Defense Review, September 1997, hlm.23.

China memanipulasikan politik dalaman Indonesia berhubung masalah etnik minoriti China di Indonesia yang berpotensi menjadi "fifth columnist".¹³⁹

Tidak seperti Malaysia, Indonesia jarang mempunyai pandangan yang sependapat dengan China berkaitan isu-isu antarabangsa. Namun demikian setengah pengalisa berpendapat bahawa China telah berusaha untuk meningkatkan hubungannya dengan Indonesia kerana kepentingan pengaruhnya dalam ASEAN.¹⁴⁰ Manakala bagi Indonesia pula pemulihubungan dengan China adalah bertujuan bagi memenuhi perubahan dinamik senario geopolitik dan keselamatan yang berlaku di Asia Tenggara. Dalam masa yang sama, Indonesia yakin bahawa perkembangan dinamik berkaitan keselamatan dan ekonomi rantau ini memerlukan peranan China yang lebih pro-aktif.¹⁴¹

Namun demikian, Indonesia juga bimbang dengan matlamat jangka panjang China yang tidak jelas di Laut China Selatan. Ini berikutnya tindakan China memasukkan sebahagian perairan Kepulauan Natuna dalam peta barunya. Tindakan sedemikian mencerminkan hasrat China untuk menuntut keseluruhan Laut China Selatan. Walaupun China telah memberi kenyataan bahawa ia tidak akan mempersoalkan hak kedaulatan Indonesia ke atas Kepulauan Natuna, namun ini masih tidak dapat meyakinkan Indonesia.¹⁴² Kebimbangan ini ditambah pula dengan peningkatan keupayaan Tentera Laut China dan sikap ketegasan China di Laut China Selatan. Hala tuju China yang tidak pasti ini berpotensi mengancam keselamatan dan mencabar kepentingan strategik Indonesia di Laut China Selatan.

¹³⁹ Ian Storey, Living with the Colossus, "Manila Looks to USA for help over Spratlys", hlm. 47.

¹⁴⁰ Petikan ucapan Li Peng di Jakarta pada 7 Ogos 1990, dalam Wang, Jingde, "A New Era for Sino-Indonesia Relation", Beijing Review, Vol.33, No 34, 1990 hlm. 7-8, dalam Loh Kooi Leong, "Does The Modernisation of the PLA Reflect a General Policy of Regional Cooperation or Regional Hegemony", *Dissertasi U* of Lancaster , 10 Sep. 1999.

¹⁴¹ Dr. Alwi Shihab, "Garis Besar Kebijaksanaan Luar Negeri dan Diplomasi Republik Indonesia Memasuki Abad ke 21", dalam acara curah pendapat tentang perkembangan dunia dan kebijakan luar negeri Republik Indonesia, Jakarta, 22 November 2000. 24 Jan. 2002.<
<http://www.3.itu.int/MISSIONS/indonesia/news.htm>.>

¹⁴² Rosemary Foot, "China in the Asean Regional Forum", dalam Asian Survey Vol. 38, No.5, May 1998. 28 Jan. 2002.<<http://www.asiamedia.ucla.edu.htm>.>

4.4 Isu Pemodenan Tentera Laut China dan Persepsi Ancaman.

Persepsi negara-negara Asia Tenggara terhadap ancaman China berubah selaras berakhirnya Perang Dingin. Persepsi ancaman yang berteraskan revolusi ideologi komunis kini telah tertumpu kepada persepsi ancaman yang berteraskan soal keselamatan maritim.¹⁴³ Dalam kontek ini beberapa negara Asia Tenggara bimbang kemungkinan China akan bertindak menggunakan kuasa ketenteraan dalam penyelesaian isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan.¹⁴⁴

Persepsi baru terhadap ancaman China ini telah dipengaruhi oleh pemodenan Tentera Laut China yang dikaitkan dengan peningkatan keupayaan dan perubahan strategi ketenteraannya yang memberi persepsi seolah-olah China sedang bersiap sedia ke arah melaksanakan tuntutan hak tradisinya di Laut China Selatan. Peningkatan keupayaan Tentera Laut China adalah selaras dengan rancangan pemodenan tiga peringkat masa kini yang telah berjalan pada kadar perlahan dengan memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan tertentu sahaja. Sungguhpun dari segi kuantiti ia tidak menunjukkan peningkatan, namun demikian dari segi kualiti, Tentera Laut China telah menunjukkan peningkatan keupayaan tempurnya. Secara keseluruhannya keupayaan Tentera Laut China telah meningkat sebanyak 10% dari keupayaan yang sedia ada.¹⁴⁵

Pemodenan yang telah dilaksanakan oleh China sehingga kini adalah untuk mengatasi kekurangan keupayaan tentera lautnya dari segi pertahanan serangan peluru berpandu baik dari udara maupun permukaan. Selain itu Tentera Laut China juga mempunyai kekurangan keupayaan dalam

¹⁴³ Desmond Ball, "Arms and Affluence, Military Acquisition in the Asia-Pacific Region", dalam Michael E. Brown (eds), East Asian Security (London: MIT Press,1998), hlm. 81.

¹⁴⁴ Ibid, hlm.84.

¹⁴⁵ Brad Kaplan, "China's Navy Today, Storm Clouds on the Horizon...or Paper Tiger?". 17 Mei 2001. <<http://www.navyleague.org.html>>

peperangan anti kapal selam (ASW) dan pelaksanaan operasi amfibia yang terhad. Ada pihak berpendapat kekurangan keupayaan yang telah disebutkan di atas telah menyebabkan Tentera Laut China dikatakan tidak efektif walaupun untuk menghadapi angkatan laut moden yang lebih kecil.¹⁴⁶

Namun demikian kelemahan keupayaan Tentera Laut China mula diatasi dengan gabungan perolehan teknologi persenjataan domestik dan juga luar negara sejak awal 1990an. Secara keseluruhannya hampir semua kapal kombatan permukaan keluaran domestik yang baru seperti kelas *Luda*, *Luhu* dan *Luhai* telah dilengkapi dengan sistem SAM, SSM dan ASW. Keupayaan Tentera Laut China bertambah mantap berikutan perolehan dua kapal destroyer kelas *Sovremenny* dari Russia. Kapal jenis ini merupakan kapal kombatan yang paling moden dimiliki oleh China setakat ini. Kapal destroyer ini adalah setanding dengan kapal perang Amerika kelas *Arleigh Burke* serta kapal perang Jepun kelas *Kongo* dilengkapi dengan sistem persenjataan peluru berpandu SS-N-22 ASM dan SA-N-7 *Gadfly SAM*.¹⁴⁷ Keupayaan sistem persenjataan ini dapat memberi ancaman kepada kapal pengangkut (*aircraft carrier*). China merancang untuk menambah tiga lagi kapal kelas *Sovremenny* dalam inventori tentera lautnya dan ini pasti menjadi cabaran kepada angkatan tentera laut negara rantau ini.¹⁴⁸

Sungguhpun keupayaan ASW Tentera Laut China telah ditingkatkan melalui kapal kombatan permukaan, namun untuk memastikan keupayaan ASW yang lebih kredibel, kapal selam merupakan aset terbaik bagi tujuan ini. Berikutan itu China telah meletakkan keutamaan bagi meningkatkan keupayaan angkatan kapal selam konvensional tentera lautnya. Peningkatan keupayaan SSK ini melibatkan perolehan aset secara domestik kapal selam kelas *Song* dan *Ming* yang dikatakan lebih senyap dan mempunyai sistem persenjataan yang tepat kerana ianya dilengkapi dengan sistem komunikasi serta panduarah satellite yang moden.

¹⁴⁶ June Teufel Dreyer, China Strategic View: The Role of PLA. 5 Ogos 2001.< <http://carlisle-www.army.mil/usassi/html>>

¹⁴⁷ You Ji, The Armed Forces of China, hlm. 189.

¹⁴⁸ Jane's Defence Weekly vol 36, Julai 2001, issue no. 2, hlm. 25.

Walau bagaimanapun perolehan SSK baru secara domestik memerlukan jangka masa yang panjang dan dapat menjelaskan tahap keupayaan kapal selam Tentera Laut China. Oleh yang demikian bagi memastikan tahap keupayaan SSK tidak terjejas, Tentera Laut China telah mengekalkan hampir separuh SSK lama kelas *Romeo* yang dimiliki walaupun hanya mampu melaksanakan operasi yang terhad.¹⁴⁹ Di samping itu dalam masa yang sama bagi meningkatkan keupayaan angkatan SSK ini, Tentera Laut China telah pun memperoleh empat buah SSK kelas *Kilo* dari Russia.¹⁵⁰ Rancangan China untuk menambah perolehan kapal selam kelas Kilo pada masa hadapan akan meningkatkan lagi keupayaan operasi ASW tentera lautnya.¹⁵¹

Selain dari kelebihan taktikal, kapal selam juga memberi kelebihan strategik kepada Tentera Laut China. Keupayaan ini dapat dilaksanakan melalui kapal selam nuklear (SSN) dan kapal selam nuklear balistik (SSBN) yang berupaya melancarkan peluru berpandu balistik sebagai tindakan rintang halang serangan kedua (*second strike deterrent*). Ketika ini Tentera Laut China mempunyai lima buah SSN kelas *Han* dan sebuah SSBN kelas *Xia* (*Type 092*) yang dilengkapkan dengan dua belas buah peluru berpandu balistik JL-2 yang dapat mencapai sasaran hingga 7,400 km.

China seterusnya telah meningkatkan kualiti dan kuantiti kapal selam SSN dan SSBN dengan perolehan sebuah lagi SSBN *Type 094* yang dapat membawa 16 buah JL-2 dan sebuah SSN *Type 093* dengan persenjataan yang lebih baik dari kelas *Han*. Kedua-dua kapal selam ini akan menjadi asset utama dalam menentukan tahap kekuatan kapal selam strategik China.¹⁵² Dengan adanya kedua-dua kelas SSN dan SSBN ini di dalam kekuatan Tentera Laut China ini dilihat akan memperluaskan keupayaan rintang halang kapal selam tenaga nuklear China.

Keupayaan angkatan amfibia China pula terdiri dari 5000 anggota marin dan tiga divisyen pasukan tentera darat. Keupayaan Tentera Laut China untuk

¹⁴⁹ Bates Gill dan Tawho Kim, China Arms Acquisition from Abroad, hlm. 62.

¹⁵⁰ Karniol R., "China to buy Russian Kilo submarine", Jane's Defence Weekly, 19 Nov. 1994, hlm. 1.

¹⁵¹ John Downing, "Maritime Ambition: China Naval Modernisation", Jane's Navy International Vol 103, No. 4, May 1998.

melaksanakan operasi amfibia ketika ini hanya bergantung dengan kelengkapan enam buah kapal pengangkutan trup, 18 kapal amfibia jenis LST dan 37 jenis LSM.¹⁵³ Sehubungan itu keupayaan operasi amfibia China hanya terhad kepada pengerahan tenaga satu divisyen infantri dalam satu masa. Ini terbukti dalam latihan olah perang pada Oktober 2000 di mana Tentera Laut China hanya berupaya menggerakan 10,000 anggota tentera sahaja.¹⁵⁴ Untuk meningkatkan keupayaan operasi amphibia, China berusaha meningkatkan bilangan kapal amfibia jenis LST dan LSM disamping merangka plan kontigensi untuk menggunakan kapal dagang bagi membantu tugas tentera lautnya jika keadaan mendesak.

Walau bagaimanapun rancangan untuk memperolehi keupayaan kapal pengangkut pesawat telah menjadi perbincangan hangat dalam isu pemodenan Tentera Laut China. Rancangan untuk memperolehi keupayaan kapal pengangkut pesawat telah bermula sejak awal dekad 1980an lagi apabila China telah membeli bekas kapal pengangkut pesawat Australia ex-HMAS Melbourne. Pembelian ini dikatakan untuk membantu China mempelajari asas teknologi pembikinan kapal jenis ini.¹⁵⁵ Terdapat spekulasi pada tahun 1998 China melalui firma pelancungan telahpun membeli kapal pengangkut pesawat *Varyag* yang terbengkalai pembinaannya dari Ukraine untuk dijadikan hotel terapung. Walau bagaimanapun ada pakar berpendapat yang sebenarnya *Varyag* telah dibeli oleh Tentera Laut China untuk ditiru teknologi pembinaannya.¹⁵⁶

Sungguhpun rancangan perolehan kapal pengangkut pesawat ini telah disebut sejak tahun 1980an namun hingga kini masih tiada maklumat yang tepat mengenai perkembangan perolehan aset ini. Namun demikian seperti mana fasa pembangunannya Tentera Laut China merancang untuk

¹⁵² Jane's Navy International, April 1997 Vol 102 No.3, hlm14-16. May 1998 Vol 103, No.4, hlm.15.

¹⁵³ Yong Peter Lewis, "Long Term Blue Water Ambition of PLA Navy". Asian Defence Journal 3/2001, March 2001,hlm. 7.

¹⁵⁴ " People's Republic of China an Armed Forces Profile", Asian Defence Year Book 2000-2001, hlm.s.84, dan Jane's Defence Weekly Vol. 36, No.2 Julai 2001, hlm. 26.

¹⁵⁵ Bates Gill dan Tacho Kim, China Arms Acquisition from Abroad, hlm. 126.

¹⁵⁶ Alexander A. Sergounin dan Sergey V. Subbotin, hlm. 82. *Varyag* telah dibeli dengan harga \$20 juta dolar Amerika oleh firma yang berdaftar di Macau. Walau bagaimanapun didapati firma ini tidak mempunyai lesen dan hanya mempunyai modal \$125,000 dolar Amerika sahaja. Ini menimbulkan keraguan bagaimana ia mampu untuk membeli aset ini.

mendapatkan kapal pengangkut pesawat pada 2010.¹⁵⁷ Bagi merealisasikan rancangan ini China telah pun membuat persiapan dengan memberi latihan kepada juruterbang pesawat tempurnya melaksanakan simulasi pendaratan di atas dami geladak kapal pengangkut yang telah dibina di Beijing.¹⁵⁸ Di samping itu rancangan persediaan ini juga meliputi perolehan pesawat Su-27 yang mampu diubah suai bagi kegunaan di kapal pengangkut pesawat sekira perlukan.

Secara keseluruhannya tahap keupayaan Tentera Laut China untuk menunjukkan kekuatan dan mencapai status keupayaan "blue water" tidak akan menjadi realiti tanpa perolehan kapal pengangkut pesawat. Tanpa kapal pengangkut pesawat ini keupayaan Tentera Laut China untuk melaksanakan operasi melampaui 500 batu dari pantai adalah terhad. Ini disebabkan ketiadaan perlindungan ruang angkasa dari serangan udara musuh. China dijangka berusaha ke arah ini kerana sebagai salah satu negara kuasa rantau, hanya China sahaja yang belum mempunyai keupayaan ini jika dibandingkan dengan India, Jepun dan bahkan Thailand yang telah pun memiliki kapal pengangkut pesawat mereka sendiri.

Namun demikian peningkatan persepsi negara-negara Asia Tenggara terhadap ancaman China bukan sahaja dipengaruhi oleh perubahan strategi, peningkatan keupayaan ketenteraan dan kelulusan undang-undang laut wilayah tetapi juga dikuatkan lagi oleh aktiviti-aktiviti tentera lautnya di wilayah yang dipertikaikan. Aktiviti-aktiviti Tentera Laut China dilihat sebagai tindakan penegasan China bahawa Laut China Selatan adalah tertakluk di bawah pengaruhnya.¹⁵⁹ Aktiviti-aktiviti Tentera Laut China di Laut China Selatan ini bukan sahaja melibatkan rondaan dan penempatan tentera di terumbu yang diduduki tetapi ia juga melibatkan pertelingkahan ketenteraan.

Sejak awal 1990an tindakan penegasan di Laut China Selatan yang dilakukan oleh Tentera Laut China telah menimbulkan keimbangan negara-

¹⁵⁷ John Downing, Maritime Ambition: China Naval Modernisation, hlm. 15.

¹⁵⁸ Alexander A. Sergounin dan Sergey V. Subbotin, Russia Arms Transfers to East Asia in 1990s, hlm. 82.

¹⁵⁹ Tai Meng Chung, Growth of Chinese Naval Power, hlm. 43.

negara di rantau ini. Tindakan China terhadap Vietnam tidak memberi kesan yang kuat terhadap persepsi ancaman di rantau ini, kerana dari segi sejarah kedua buah negara pernah berperang. Namun demikian tindakan Tentera Laut China menduduki Terumbu Mischief pada tahun 1995 telah membentarkan persepsi ancaman bahawa China sedang memperluaskan tuntutanya di Laut China Selatan. Sebaliknya China kini menjadi ancaman sebenar bagi Filipina.¹⁶⁰

Persepsi ancaman terhadap China meningkat kerana aktiviti-aktiviti Tentera Laut China yang melibatkan insiden pertelingkahan ketenteraan bertahap kecil di wilayah yang menjadi pertikaian. Ini membuktikan kemungkinan China akan menggunakan kuasa ketenteraan dalam penyelesaian isu di Laut China Selatan tidak boleh diketepikan. Kemungkinan ini adalah berasas kerana Tentera Laut China mempunyai kelebihan keupayaan sekiranya dibandingkan dengan tentera laut negara-negara Asia Tenggara. Kelebihan keupayaan Tentera Laut China ini menguatkan lagi persepsi terhadap ancaman China kerana tidak mungkin China akan menggunakan kuasa ketenteraan dalam menyelesaikan isu di Spratly jika ia menyedari kelemahan angkatan tenteranya berbanding dengan angkatan tentera negara-negara Asia Tenggara.

4.5 Rumusan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa China merupakan faktor penting kepada hal ehwal keselamatan di Asia Tenggara. Perubahan senario politik dan keselamatan rantau secara tidak langsung mempengaruhi persepsi ancaman negara rantau ini terhadap China. Dalam era perang Dingin persepsi negara rantau ini terhadap ancaman China adalah sekata kerana berhadapan dengan musuh bersama iaitu revolusi ideologi komunis. Namun berakhirnya

¹⁶⁰ Klaus Knorr (ed.), Threat Perception, Historical Dimensions of National Security Problems (Lawrence: Univ of Kansas Press, 1976), hlm. 78-119. Menurut Klaus Knorr, Ancaman Sebenar (*actual threat*) diiktibarkan apabila pengancam menunjukkan niat yang jelas. Identiti pengancam adalah jelas

perang dingin persepsi ancaman negara rantau ini terhadap China dilihat berbelah bagi terutama dalam konteks isu pertikaian di Laut China Selatan. Vietnam dan Filipina melihat China sebagai ancaman sebenar keselamatan mereka kerana ia melibatkan kedaulatan wilayah, manakala Malaysia dan Indonesia melihat China berpotensi menjadi ancaman kerana melibatkan kepentingan mereka di Laut China Selatan.

Persepsi ancaman terhadap China diperkuuhkan dengan faktor perubahan strategi maritim, peningkatan keupayaan Tentera Laut China dan undang-undang yang membenarkan tindakan ketenteraan diambil bagi mempertahankan kedaulatan China di Laut China Selatan. Walau bagaimanapun apa yang lebih membimbangkan ialah realisasi faktor-faktor di atas dalam bentuk aktiviti-aktiviti ketenteraan dan penggunaan kekerasan oleh Tentera Laut China di wilayah yang dipertikaikan. Pertelingkahan ketenteraan yang berlaku sebelum ini menggambarkan bahawa kemungkinan China menggunakan kuasa ketenteraan secara bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan isu-isu berbangkit di Laut China Selatan tidak boleh dinafikan. Persepsi ini diperkuuhkan lagi dengan kelebihan keupayaan Tentera Laut China jika dibandingkan dengan keupayaan tentera laut negara-negara rantau ini. Secara keseluruhan persepsi negara Asia Tenggara terhadap ancaman China masa kini adalah berasas jika kita mengambil kira faktor-faktor termasuklah isu-isu kritikal di Laut China Selatan, kesamaran niat China dan pemodenan tentera lautnya. Apa yang jelas ketika ini adalah peningkatan keupayaan Tentera Laut China memang berpotensi menjadi ancaman kepada keselamatan di rantau Asia Tenggara.

dan bahayanya adalah jelas. Ancaman sebenar termasuk pencerobohan kuasa luar, penaklukan wilayah dan serangan peluru berpandu.